

PERKAMPUNGAN PRS KEBANGSAAN 2011

Oleh: Pn. Wan Saniah Wan Yahya

Pada 24 -27 Mei 2011 yang lalu, UniMAP melalui Unit Kaunseling & Kerjaya telah menghantar seramai 8 orang peserta bagi menyertai program berkenaan yang bertempat di Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Program tersebut telah dianjurkan oleh UTM dengan Kerjasama Majlis Kaunseling Kerjaya Universiti Malaysia. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program berkenaan antaranya Program Khidmat masyarakat yang mendekatkan peserta dengan masyarakat orang asli di Johor. Di samping itu, para peserta turut diberi pendedahan mengenai peranan Pembimbing Rakan Siswa dan tanggungjawab mereka sebagai PRS dalam membantu rakan-rakan di universiti masing-masing.